

## Hubungan Persahabatan antara Malaysia-India Sejak Merdeka hingga Kini

### *Friendly Relations between Malaysia-India Since Independence to the Present*

**Azharudin Mohamed Dali\***

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Malaysia.

\**Corresponding Author*: azharud@um.edu.my

#### **Abstrak**

Hubungan antara Malaysia-India telah melalui satu perjalanan sejarah yang panjang. Malah, berdasarkan sejarah, hubungan ini telah berlaku sejak zaman sebelum masihi, meskipun dalam bentuk perdagangan dan keagamaan. Kehadiran British ke negara ini telah menyebabkan kehadiran buruh-buruh India dan ia secara tidak langsung menjadi asas kepada hubungan persahabatan yang erat kemudiannya. Dalam hubungan sebagai sebuah negara moden pula, hubungan antara kedua-duanya berlaku selepas kemerdekaan India pada tahun 1947 dan Persekutuan Tanah Melayu (Malaysia kemudiannya) pada tahun 1957. Selepas Persekutuan Tanah Melayu merdeka, India merupakan antara negara terawal yang menjalin hubungan diplomatik dengan negara ini. Hubungan ini terus berkembang, bukan sekadar hubungan diplomatik semata-mata malah turut merangkumi hubungan ekonomi, sosial dan pelancongan. Artikel ini memberi fokus kepada dua perkara. Pertama, latar belakang hubungan antara Malaysia-India dan kedua, pencapaian yang diperolehi oleh kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

**Kata Kunci:** Hubungan persahabatan; Diplomatik; Malaysia; India; Serantau.

#### **Abstract**

*The relationship between Malaysia-India has been through a long history. In fact, based on history, this relationship has occurred since the early period, in the form of commercial and religious activities. The presence of British into the country has resulted in the presence of labors from India and is indirectly became the basis of the relationship between Malaysia and India at later period. In a relationship as a modern state, relationship between two countries occurred after the independence of India in 1947 and Persekutuan Tanah Melayu (later Malaysia) in 1957. After Malaya's independence, India is among the countries earliest to establish diplomatic relations with the country. This relationship continues to grow, not just on diplomatic relations*

*only, but in fact also includes economic, social and tourism. This article focus on two aspects. First, on the historical background of the relationship between the Malaysian-Indian, secondly, on the achievements reached by the two countries in various field.*

**Keywords:** *Friendly relationship; Diplomatic; Malaysia; India; Regional.*

## PENGENALAN

Hubungan antara dua negara disifatkan oleh K. J. Holsti sebagai “*all forms of interaction between members of separate societies, whether government sponsored or not*”.<sup>1</sup> Kajian terhadap hubungan luar merupakan sesuatu yang sangat penting. Ini kerana, penelitian terhadap dasar luar bukan sahaja mengenai manusia di negara tersebut tetapi juga segala aspek yang dilihat dapat mempengaruhi dan berkaitan dengan hubungan membabitkan dua negara. Dalam suasana yang dinamik dan sentiasa mengalami perubahan, jalinan hubungan merupakan sesuatu yang mesti dijalankan. Antara ungkapan yang biasa di dengar ialah

*One should be aware of the global changes in existence for the mutual benefit economically and other purposes which will be in the interests of the nations involved...Each nation must have a deep knowledge of another nation's policy, interests and perceptions. Internal and external problems of nation must be the concern of the other”.<sup>2</sup>*

Dalam keadaan ini, penelitian terhadap hubungan antara Malaysia dengan negara-negara jiran dan serantau mahupun luar rantau serta antarabangsa merupakan antara bidang kajian yang sangat signifikan. Ini kerana, sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah secara aktif memainkan peranan di peringkat serantau dan antarabangsa hingga secara langsung meningkatkan kedudukan Malaysia. Secara keseluruhannya, hubungan dengan negara lain merupakan salah satu aspek yang begitu dititik beratkan oleh Malaysia. Dalam keadaan ini, hubungan dengan India merupakan satu hubungan yang telah dilaksanakan dan begitu diberikan perhatian dalam dasar luar Malaysia.

Meskipun demikian, secara keseluruhannya, kajian dan penulisan mengenai hubungan Malaysia-India sebenarnya masih lagi agak kecil, terutamanya yang dihasilkan dalam Bahasa Malaysia. Satu-satunya kajian yang sangat penting mengenai topik ini dihasilkan oleh Zubaidah Hamzah dalam artikelnya yang bertajuk “Hubungan India dan Malaysia: Tumpuan Pada Masa Kepimpinan Nehru (1930-1946)”.<sup>3</sup> Keadaan ini pastinya agak sukar difahami kerana jalinan hubungan antara kedua negara sebenarnya telah berjalan sejak sekian lama. Jika dilihat dari sudut sejarah, pastinya jalinan hubungan ini telah berlaku sejak ratusan tahun yang lalu. Bersandarkan keadaan ini, maka jelas sekali bahawa, kajian, penelitian dan penerbitan yang lebih banyak perlu dilakukan dalam topik ini. Menyedari bahawa aspek hubungan Malaysia-India masih sedikit, tulisan ini berhasrat untuk menambahkan serta mengisi ruang-ruang kosong yang sedia ada itu dan diharapkan selepas ini, lebih banyak kajian yang lebih terperinci akan dapat dilakukan. Antara lain, tulisan ini akan memberikan perhatian kepada sejarah hubungan Malaysia-India, aspek-aspek yang menjadi keutamaan dalam hubungan Malaysia-India, cabaran-cabaran yang dihadapi terutama dalam era dunia tanpa sempadan serta kesan-kesan yang timbul dari hubungan ini untuk faedah kedua-dua negara.

## SEJARAH HUBUNGAN MALAYSIA-INDIA

Zubaidah Hamzah dalam tulisannya telah membahagikan hubungan antara Malaysia dengan India kepada tiga tahap. Tahap pertama merupakan tahap hubungan awal membabitkan kedua-dua entiti hingga melahirkan berbagai elemen politik yang mempunyai pengaruh India yang kuat. Selain itu, hubungan ini lebih ketara bersifat sehalu yang hanya membabitkan kehadiran orang India ke Tanah Melayu. Meskipun terdapat tanggapan bahawa hubungan ini wajar dilihat dari sudut dua hala seperti hubungan dalam zaman moden, namun hingga kini, tiada bukti-bukti nyata mengenai tanggapan ini. Kedua, hubungan yang terjalin ketika zaman penjajahan British dan ketiga selepas kedua-dua entiti mencapai kemerdekaan.<sup>4</sup>

Dalam tahap pertama dan kedua, dilihat pembabitan Malaysia atau orang tempatan dalam jalinan hubungan ini bersifat minimal. Orang tempatan berada di luar lingkungan jalinan ini sebaliknya ia banyak ditentukan sama ada oleh orang India mahupun oleh pihak British kemudiannya. Dari sudut orang India, sejarah menunjukkan gerakan aktif masyarakat India dalam memperluaskan pengaruh mereka. Pengaruh Indianisasi yang melanda rantau Asia Tenggara sejak abad pertama masihi hingga abad-abad selanjutnya menyaksikan betapa mendalamnya pengaruh India itu. Kewujudan kerajaan serta konsep-konsep ketatanegaraan yang digunapakai oleh kerajaan-kerajaan di rantau Asia Tenggara menjadi bukti nyata tentang hal ini. Ketika zaman penjajahan pula, hubungan antara negara ini dengan India ditentukan oleh pihak British. Ia lebih bersifat hubungan bagi memenuhi kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu terutama bagi mengisi kekosongan dalam bidang perburuhan.<sup>5</sup>

Kemasukan buruh India ke Tanah Melayu turut menarik perhatian kalangan pemimpin India dan dalam hal inilah peranan yang dimainkan oleh Jawaharlal Nehru sangat penting. Suasana selepas Perang Dunia Kedua membawa kesan besar kepada keadaan orang India di Tanah Melayu. Perkembangan ini pastinya mempunyai kaitan langsung dengan sikap dan tindakan mereka ketika era peperangan. Dalam tempoh ini, Tanah Melayu menjadi pusat gerakan bagi gerakan membebaskan India yang digerakkan oleh Tentera Kebangsaan India (INA) dan Liga kemerdekaan India (IIL). Subhas Chandra Bose merupakan pemimpin INA dan dengan slogan '*Chalo Delhi*' telah membawa anggota-anggota INA ke sempadan India-Burma dan terbabit dalam peperangan di Imphal. Selain anggota-anggota rasmi, orang India di Tanah Melayu turut memberikan bantuan moral dan kewangan kepada INA.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, gerakan ini gagal mencapai matlamat mereka untuk memasuki sempadan India dan sejajar dengan tewasnya Jepun yang menyerah kalah kepada Berikat ekoran pengeboman Nagasaki dan Hiroshima, gerakan INA juga berakhir. Kekalahan INA ini semakin parah dengan kematian Subhas Chandra Bose dalam kemalangan kapal terbang di Taiwan. Selepas INA tewas dan British kembali ke India, terdapat usaha untuk mendakwa kalangan yang terbabit dalam gerakan ini. Perbicaraan dilakukan di Red Fort di Delhi. Perkembangan ini telah menarik perhatian berbagai pihak di India yang percaya bahawa INA merupakan kalangan yang berjuang untuk membebaskan India dan sokongan terhadap anggota-anggota INA kian bertambah hingga menyebabkan KKI turut bersama dengan arus sokongan tersebut. Di Tanah Melayu, orang India juga berada dalam keadaan agak kacau dan sokongan telah diberikan kepada INA. British yang baru kembali ke Tanah Melayu pastinya agak kewalahan dalam menghadapi berbagai perkembangan yang berlaku. Ini kerana ketika ini, British terpaksa berhadapan dengan PKM yang keluar dari hutan dan usaha untuk memperkenalkan Malayan Union. British tidak mahu satu lagi isu berkaitan dengan orang India akan menjejaskan British. Dalam hal inilah, kerajaan India telah menghantar Jawaharlal Nehru ke Tanah Melayu. Alex von Tunzelmann mengatakan;

*...the British authorities [in India] decided to turn of the politicians they had previously imprisoned to good use, and it was in this spirit that Wavell suggested Nehru to go to Malaya at the beginning of 1946. Malaya had seen strikes and unrest among its Indian population, on account of the treatment accorded to the INA prisoners.<sup>7</sup>*

Kedatangan Nehru disambut oleh Louise Mountbatten yang ketika itu merupakan *Supreme Allied Commander of Southeast Asia* (SACSEA). Pada awalnya, pentadbiran Tanah Melayu merancang untuk menyambut Nehru dengan satu barisan pasukan tentera disepanjang laluan yang akan diambil Nehru, namun rancangan ini dibatalkan atas permintaan Mountbatten. Sebaliknya, Nehru perlu disambut sebagai wakil kerajaan India. Ini bermakna, Nehru akan disambut dan diberi layanan kerajaan. Mountbatten juga telah meminta kerajaan Tanah Melayu agar membawa orang India dari kawasan luar bandar untuk bertemu Nehru. Nehru tiba di Tanah Melayu pada 18 Mac 1946 dan disambut oleh Mountbatten buat pertama kali. Mountbatten kemudiannya menjadi wizurai India yang terakhir dan mempunyai hubungan akrab dengan Nehru. Seterusnya, Nehru telah dibawa ke Rumah Kerajaan di Singapura sebelum kemudiannya bertemu dengan sebahagian orang India di bangunan YMCA. Selanjutnya, Nehru telah bertemu dengan orang India di Stadium Jalan Besar dan disini beliau menyeru agar orang India di Tanah Melayu bersikap lebih tenang kerana zaman peperangan telah berakhir. Kini perjuangan kemerdekaan India akan bersifat perlembagaan dan KKI sedang mengusahakannya. Pada 25 Mac 1946, Nehru berangkat ke Pulau Pinang sebelum berangkat balik ke Delhi.<sup>8</sup> Malah, Nehru juga sempat singgah ke Alor Star dimana ketika itu Tunku Abdul Rahman telah bertindak sebagai ahli jawatankuasa sambutan terhadap Nehru.<sup>9</sup>

Nehru sebenarnya telahpun mengadakan lawatan ke Tanah Melayu pada 1934. Ketika itu, Nehru melakukan lawatan ke Tanah Melayu selama lima hari, iaitu tempoh yang dibenarkan oleh British di Tanah Melayu dan beliau ditemani oleh anaknya, Indira Gandhi. Nama beliau sebagai ahli politik anti-British telah cukup dikenali terutama oleh orang India yang ada di Tanah Melayu dan kerana itulah, tempoh yang diberikan oleh British agak singkat. Ketika memberi ucapan di Butterworth, jumlah orang India yang mendengar ucapan Nehru cukup besar. Lebih penting lagi, lawatan ini memberi makna besar kepada hubungan Malaysia-India kerana dalam lawatan ini, Nehru mengenali Tunku Abdul Rahman yang menjadi salah seorang ahli jawatankuasa sambutan terhadap Nehru. Pengerusi jawatankuasa sambutan ini ialah N. Raghavan dan ahli-ahli lain termasuklah T. H. Goh, N. K. Menon dan Puan Oon.<sup>10</sup> Tunku telah menyebutkan pengalaman bertemu dengan Nehru sebagai sesuatu yang sangat berharga. Berdasarkan keadaan ini, tidak hairanlah jika didapati hubungan antara Tunku dan Nehru begitu erat dan ini turut ditunjukkan dalam dasar membabitkan Malaysia-India kemudiannya. Malah Tunku turut bersedih dengan kematian Nehru. Usaha Tunku untuk menghadiri hari pengkebumian Nehru gagal kerana ketiadaan penerbangan ke India. Bagi menunjukkan penghormatannya kepada Nehru, Tunku telah mengadakan rali di Stadium Merdeka pada 28 Mei 1964. Tunku mengatakan:

*The death of Mr. Nehru has robbed India of a great leader. Not only has it robbed India but it has also robbed the whole world of a man whose words and deeds have been an inspiration to those who love freedom and democracy. What was it that has made Nehru such a great man? It is his sense of dedication to his country and to his people and dedication to the peace of the world; his faith in the goodness of man and his belief to fairness and justice for all.<sup>11</sup>*

Kemerdekaan yang dicapai oleh Tanah Melayu pada tahun 1957 dan setelah itu, Malaysia pada tahun 1963 telah memberikan kuasa menentukan arah tuju hubungan luar negara ke dalam tangan anak tempatan sendiri. Sebagai negara merdeka, hubungan luar Malaysia digunakan untuk menjaga kedaulatan negara serta memastikan kepentingan negara diutamakan dan tidak terganggu gugat. Maka tidak hairanlah dalam usaha menepati kehendak ini, dasar luar Malaysia turut mengalami pengubahsuaian berdasarkan keadaan semasa. Adalah jelas bahawa sejak merdeka, dasar luar Malaysia adalah anti-komunis dan mempunyai hubungan erat dengan kuasa-kuasa Barat sebagaimana yang ditunjukkan dalam ‘*Anglo-Malaysian Defence Agreement*’ (AMDA) serta anti-apartheid. Dasar menekankan hubungan dengan negara-negara membangun dan kerjasama selatan-selatan yang tidak begitu menonjol ketika zaman awal merdeka, seterusnya telah semakin ketara dan dilaksanakan secara terus-terusan pada zaman Dr. Mahathir Mohamad. Malaysia turut percaya bahawa penyelesaian terhadap sebarang konflik wajar dilakukan dimeja rundingan dan peperangan bukanlah kaedah yang dapat menyelesaikan masalah. Dalam keadaan ini, Malaysia berkongsi sentimen yang sama dengan India iaitu:

*Malaysia asserted the importance of peaceful settlements of disputes, inviolability and territorial integrity of states, self-determination of peoples, peaceful coexistence, sovereign equality of states and non-interference in the international affairs of states by means whatsoever whether overt or by subversion or by other forms of pressure.*<sup>12</sup>

Penekanan kepada keamanan dan kestabilan serta hubungan baik dengan negara jiran serta antarabangsa membolehkan India berkongsi persefahaman dalam jalinan hubungan antara kedua negara. Ini dibayangkan melalui pembabitian kedua-dua negara dalam ‘*Non-Aligned Movement*’. Dasar India ini juga adalah jelas. Sebagai sebuah negara merdeka, Perdana Menteri India pertama, Jawaharlal Nehru percaya bahawa India perlu dan wajar memainkan peranan yang penting dalam perkembangan serantau dan ini turut membabitkan Tanah Melayu dan negara-negara Asia Tenggara yang lain. India begitu lantang menentang penjajahan dan ia wajar ditamatkan dan India juga percaya bahawa tiada kuasa besar yang dibenarkan untuk menentukan hala tuju negara-negara yang baru merdeka.<sup>13</sup> Bagi Tanah Melayu dan Malaysia kemudiannya, dasar yang dipegang oleh India seperti yang ditunjukkan oleh Nehru sangat menarik perhatian hingga kedua negara menjadi negara sahabat yang saling membantu antara satu sama lain.

## **HUBUNGAN MALAYSIA-INDIA SELEPAS MERDEKA**

Dalam melihat sejarah hubungan antara kedua-dua negara, bolehlah dikatakan bahawa hubungan tersebut melalui perubahan ketara selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Jika sebelum ini, hubungan adalah tidak setara kerana India yang lebih dahulu merdeka pada tahun 1947 dan menjalinkan hubungan dengan British di Tanah Melayu. Bermula pada 1957, hubungan antara kedua negara memasuki tahap baru yang sangat penting. Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia menganggap India sebagai negara sahabat dan kerana itu, hubungan itu terjalin berdasarkan kepada sifat hormat menghormati. Malah India merupakan antara negara pertama yang mengakui kemerdekaan Tanah Melayu. Pada tahun 1958, bagi memeterai ikatan persahabatan yang ada, Presiden India, Rajendra Prasad telah mengadakan lawatan ke Tanah Melayu dan dalam mengalu-alukan lawatan tersebut, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan ucapan terima kasih kerana sokongan yang diberikan oleh India. Malah Tunku turut menyatakan

bahawa usaha mencapai kemerdekaan Tanah Melayu sebenarnya turut mengambil India sebagai contoh terbaik yang turut berjuang mencapai kemerdekaan pada tahun 1947.<sup>14</sup>

Keadaan ini semakin penting kerana sebahagian daripada rakyat Malaysia adalah berketurunan India. Selain itu, jumlah orang India yang bekerja di Malaysia juga agak besar. Hubungan antara kedua negara dapat disaksikan melalui beberapa aspek termasuklah diplomatik dan politik, hubungan ekonomi dan sosial. Hubungan ini pula bersifat dua hala. Secara rasmi, hubungan diplomatik antara Malaysia-India bermula pada 1957. India diwakili oleh Pesuruhjaya Tinggi India di Kuala Lumpur sementara Malaysia pula mempunyai Pesuruhjaya Tinggi di New Delhi dan Konsulat-Jeneral di Mumbai dan Chennai.<sup>15</sup>

Meskipun pembahagian sebagaimana yang dilakukan oleh Zubaidah sebagaimana yang disebutkan diatas merupakan pembahagian yang secara jelas menunjukkan hubungan antara Malaysia-India, namun terdapat juga kalangan sarjana yang membuat pembahagian berbeza. Antara pembahagian yang digunakan ialah era sebelum Perang Dingin dan era selepas Perang Dingin. Berdasarkan pembahagian ini, hubungan antara Malaysia-India menjadi semakin erat selepas era Perang Dingin berakhir apabila India melancarkan Dasar Pandang ke Timur. *“India’s Look East Policy was the turning point and the first steps towards rebuilding the relations with Southeast Asian nations”*.<sup>16</sup> Antara hujah yang dikemukakan ialah, ketika era Perang Dingin, hubungan erat antara India dengan Soviet Union telah menyebabkan negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia menjarakkan hubungan dengan India. *“In the late 1980s, however, India’s close ties with Moscow distanced from its most of the non-communist Southeast Asian states...”*.<sup>17</sup> Pandangan lain pula menyebut, Indialah yang tidak memberikan perhatian kepada negara-negara di rantau Asia Tenggara, termasuk Malaysia dengan menjalin hubungan rapat dengan Moscow. Malah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh India sama ada sokongan yang diberikan kepada komunis Indochina dalam konflik di Vietnam, ujian nuklear pada tahun 1974 serta tindakan India menguatkan pasukan tentera laut di sekitar Andaman dan Nicobar telah membimbangkan negara-negara rantau Asia Tenggara, dan Malaysia tidak terkecuali. Ini kerana dasar luar Malaysia yang bersifat anti-komunis dan tidak berpihak serta menentang senjata nuklear.<sup>18</sup>

Kejatuhan Soviet Union telah memberi kesan mendalam kepada India kerana hubungan erat antara kedua negara dalam era Perang Dingin serta kebergantungan India yang besar dalam aspek diplomatik, ekonomi dan bantuan ketenteraan.<sup>19</sup> Sejak berakhirnya Perang Dingin, India didapati telah cuba mempereratkan hubungannya dengan negara-negara sebelah timur terutama dengan negara-negara Asia Tenggara. Malah India juga telah melancarkan dasar pandang ke timur pada tahun 1991. Meskipun pada asasnya dasar ini lebih melihat kepada negara seperti Korea dan Jepun, namun secara praktikal, dasar ini turut membabitkan negara-negara Asia Tenggara. Rashmi Seghal dan rakan mengatakan,

*With the end of the Cold War and India’s formulation of the Look East Policy, the phenomenon has changed and Southeast Asian countries, in general and Malaysia and Singapore in particular, have experienced growing friendly ties with India.*<sup>20</sup>

Dari sudut lain, hubungan antara Malaysia-India sebenarnya didasari daripada kepentingan-kepentingan ekonomi dan komersil di satu pihak dan kepentingan strategik terutama selepas era Perang Dingin dipihak yang lain.<sup>21</sup>

## Sokongan dan Lawatan Pemimpin

Eratnya hubungan antara Malaysia-India ditunjukkan oleh sokongan yang diberikan oleh Tunku Abdul Rahman terhadap India dalam konflik membabitkan India dengan China pada tahun 1962. Dalam lawatannya ke India, Tunku telah menekankan bahawa sokongan dilakukan terhadap India adalah sesuatu yang perlu dilakukan sebagai negara sahabat ketika India berada dalam konflik. Tunku juga mengingatkan masyarakat dunia mengenai bahaya konflik tersebut dan sepenuhnya berada di belakang India.<sup>22</sup> Dalam menjelaskan hal ini, Tunku mengatakan:

*...and during my tour of India in that month of October 1962, I exposed the Chinese motives behind aggression. On my return to Singapore in November, I stated that in the event of a declaration of war between India and China, Malaya would give India 'all out support'. Soon afterwards I launched a public campaign, the 'Save Democracy Fund'. Which raised more than one million dollars to help India defend herself against Chinese aggression.*<sup>23</sup>

Berdasarkan penjelasan Tunku, Malaysia dilihat memberikan sokongan kepada India atas nama mempertahankan demokrasi, sebagaimana nama tabung yang diwujudkan tersebut serta menyifatkan konflik membabitkan India dengan China berlaku semata-mata sebagai satu tindakan China untuk menunjukkan kuasa:

*In Malaysia's perspective, the Chinese invasion was nothing more than to prove the superiority of her military and politics to humiliate India. This would provide a lesson to India, to Asia and to the rest of the world that China will not tolerate any state opposing her drive towards supremacy over Asia.*<sup>24</sup>

Rupa-rupanya sikap dan ketegasan Tunku dalam memberikan sokongannya kepada India sewaktu berhadapan dengan konflik pada 1962 telah dibalas kemudiannya oleh India apabila memberikan sokongan kepada Malaysia sewaktu konfrantasi. Malah India turut melobi Malaysia untuk diterima masuk dalam Persidangan Afro-Asian kedua. Perdana Menteri Lal Bahadur Shastri turut memberikan sokongan kepada pencalonan Malaysia sebagai ahli tidak tetap dalam Konsul Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.<sup>25</sup>

Malaysia mahupun India mempunyai kepentingan bersama dan perkembangan ini berlaku secara lebih ketara bermula era 1990-an. Pada era 1970-an dan 1980-an, hubungan ini boleh disifatkan agak sederhana. India ketika itu merupakan negara yang sedang membangun dengan kadar kemiskinan yang tinggi serta potensi ekonomi yang agak kurang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, dibawah kepimpinan Indira Gandhi kemudiannya, usaha telah dilakukan bagi meningkatkan kedudukan India sama ada dari sudut ekonomi dan turut memainkan peranan penting dalam dasar luar.<sup>26</sup> Dalam masa yang sama, perkembangan ekonomi serta potensi besar yang ditawarkan oleh India sebagai pasaran penting bagi rantau Asia Selatan telah membuka ruang besar kepada hubungan rapat dengan negara-negara lain. Malaysia dan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara turut membabitkan diri dalam usaha mengeratkan persahabatan yang sedia ada. Selain itu, perubahan dan perkembangan yang berlaku sama ada di peringkat antarabangsa dan serantau dalam kerangka strategik politik turut membantu kepada satu bentuk hubungan persahabatan yang lebih erat dilakukan membabitkan kedua buah negara. Bagi India, berakhirnya Perang Dingin telah membolehkannya mengambil pendekatan yang lebih pragmatik dalam dasar luar serta hubungannya dengan negara lain.<sup>27</sup> Tindakan inilah yang turut merangsang satu bentuk

hubungan lebih erat dengan Malaysia serta negara-negara lain di Asia Tenggara. K. S. Nathan dalam tulisannya mengenai kepentingan India dari sudut pandang Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain adalah kerana usaha India sendiri untuk menjalin satu bentuk hubungan politik dan ekonomi selepas berakhirnya Perang Dingin, peranan India sebagai pengimbang kuasa di Asia terutamanya antara Jepun dan China, pembaharuan ekonomi di India yang menekankan kepada ekonomi pasaran dan pasaran bebas yang akan menggalakan pelaburan asing, prospek kerjasama teknologi dengan India dan kerjasama ketenteraan dalam usaha mengawal Lautan Hindi.<sup>28</sup> Tindakan China yang menjadikan Myanmar sebagai ‘*listening posts*’ bagi memantau pergerakan India di Andaman dan Nicobar serta meletakkan peralatan pengawasan perisikan elektronik di Pulau Coco yang menjadi milik Myanmar dengan matlamat yang sama turut mempengaruhi perkembangan ini.<sup>29</sup> Faktor-faktor ini dilihat sangat signifikan dan Malaysia sebagai sebuah negara yang sememangnya mempunyai hubungan dengan India telah mempereratkan hubungan itu kemudiannya. Dalam melihat hubungan dengan India, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dr. Mahathir Mohamad mengatakan, “*the historical and cultural linkages and the existing traditional ties form the basis or foundation on which a strong ASEAN-India [Malaysia-India] relations can be built. Being Asians, both our regions share many similarities which include eastern values and culture*”.<sup>30</sup>

Sejak zaman Tunku Abdul Rahman lagi, pemimpin-pemimpin Malaysia dan India saling bertukar-tukar lawatan kerja. Presiden India, Dr. Rajendra Prasad mengadakan lawatan ke Malaysia pada tahun 1958, ketika Malaysia baru sahaja mencapai kemerdekaan, VV Giri pada tahun 1973 dan Fakhrudin Ali Ahmed pada tahun 1977. Sebagaimana yang telah dilakukan oleh Jawaharlal Nehru sejak sebelum Tanah Melayu merdeka lagi iaitu pada tahun 1954 dan 1964. Ini bermakna, secara keseluruhan, Nehru merupakan antara pemimpin India yang paling banyak melawat negara ini, sejak era sebelum merdeka hingga merdeka. Indira Gandhi turut melakukan lawatan ke Malaysia pada tahun 1968. Tunku Abdul Rahman, sewaktu dalam ucapan sambutan terhadap kehadiran Indira Gandhi menyatakan rasa bangganya kerana mampu menjadi pengerusi sambutan bukan sahaja kepada Nehru pada 1946 tetapi juga kepada Indira Gandhi pada 1968.<sup>31</sup> Pemimpin India lain seperti V. P Singh turut melawat India pada tahun 1990, P V Narsimha Rao pada tahun 1995 dan Atal Bihari Vajpayee pada tahun 2001. Perdana Menteri Manmohan Singh pula melakukan lawatan ke Malaysia antara 26 hingga 28 Oktober 2010. Tahun 2010 dianggap tahun penting dalam melihat hubungan Malaysia-India kerana pada tahun itu, perdana menteri kedua-dua buah negara saling bertukar lawatan. Manmohan Singh ke Malaysia diikuti oleh Najib Tun Razak ke India. Persahabatan Malaysia-India bertambah erat apabila bersama-sama melancarkan Brickfield sebagai ‘*Little India*’. “*Both these visits laid down a strong foundation for the building of strategic partnership*”.<sup>32</sup> Mengulas mengenai lawatan ini, Profesor G. V. C Naidu mengatakan:

*...the Malaysian Prime Minister Mohd Najib’s visit to India in mid-January 2010 helped in putting behind several problems that bilateral relations had faced especially during Mahathir Mohammad’s prime ministership and began a new era.*<sup>33</sup>

Di pihak Malaysia pula, lawatan telah diadakan oleh Tunku Abdul Rahman diikuti oleh Tun Hussein Onn pada 1980 dan Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1983, 1987, 1993, 1994, 1996 dan 2002 di atas berbagai kapasiti sama ada untuk menghadiri mesyuarat ‘*Non-Aligned Movement*’ (NAM) atau lawatan kerja.<sup>34</sup> Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi turut mengadakan lawatan ke India, sementara Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia turut melawat India pada bulan



Januari 2010. Selain itu mesyuarat di peringkat menteri juga diadakan pada 3 Mei 2011. Pada 19-20 Disember 2012, sekali lagi Perdana Menteri Malaysia melakukan lawatan ke India bersempena dengan ‘*ASEAN-India Commemorative Summit*’ yang diadakan di New Delhi. Lawatan dan kehadiran pemimpin antara kedua-dua negara sebenarnya membayangkan satu hubungan erat antara Malaysia-India. Malah dalam perbincangan yang diadakan, Malaysia dan India telah mencapai kata sepakat dalam banyak perkara.

### **Anggota Pertubuhan**

Ikatan yang wujud antara Malaysia dengan India semakin erat kerana kedua negara menganggotai Komanwel, NAM, G-15, G-77, WTO dan ‘*East Asia Summit and the Indian Ocean Rim-Association for Regional Cooperation*’ (IORAC). Selain itu, India juga mempunyai hubungan dengan ASEAN dimana Malaysia merupakan anggotanya. Malah hubungan antara ASEAN – India inilah yang telah mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia-India. Sejak era 1990-an lagi, apabila perkembangan ekonomi dan politik rantau ASEAN menjadi begitu dinamik, India menjadi sahabat ASEAN yang rapat. Kedua-dua entiti dilihat saling bekerjasama untuk meningkatkan hubungan sama ada sebagai ASEAN mahupun sebagai negara. Kajian yang sedia ada menunjukkan bahawa hubungan antara ASEAN dengan India semakin meningkat sejak era Perang Dingin berakhir, dengan alasan ekonomi dan strategik.<sup>35</sup> Dalam masa yang sama, hubungan yang dijalinan oleh India dengan Malaysia sebenarnya mempunyai kaitan secara langsung dengan usaha mendekati ASEAN. Faizal Yahya mengatakan, “...*the key to developing its relations with ASEAN was to build strong bilateral ties with influential members such as Malaysia*”.<sup>36</sup> Hal yang sama sebenarnya boleh dikatakan terhadap hubungan Malaysia dengan India dalam konteks negara-negara di Asia Selatan. Hubungan dengan India akan memperkukuhkan kehadiran Malaysia dalam kalangan negara-negara di rantau tersebut. Persamaan-persamaan yang ada antara negara-negara ASEAN dan India membolehkan hubungan antara keduanya kondusif.

*India and ASEAN share a common perspective that the propellers of the economic dynamism in the Asia-Pacific are definitive policies, programmes, and strategies that stem from a broader base Asian philosophy, tradition, and social organization...Both sides will have to invest in building partnership for cooperative peace and prosperity through concrete and incremental steps, which reflect bold new psychological, political and economic approaches that effectively address new problems and issues.*<sup>37</sup>

### **Hubungan Ekonomi, Perdagangan dan Pelancongan**

India merupakan antara negara yang penting dalam perdagangan dengan Malaysia. Kedudukan India yang strategik telah menyebabkan laluan perdagangan ke arah barat melalui Lautan Hindi dari rantau Asia Tenggara akan melalui India sementara laluan dari India ke Laut China Selatan akan melalui Asia Tenggara. Mantan Menteri Luar Malaysia, Abdullah Ahmad Badawi pernah mengatakan bahawa, “*Malaysia and India shares a common desire to promote economic liberalization and the need to seek a regional forum for economic cooperation*”.<sup>38</sup> Ini bermakna, hubungan membabitkan Malaysia-India menekankan kepentingan aspek ekonomi. Berbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama ekonomi ini. Antaranya termasuklah mewujudkan satu badan kerjasama (*Joint Commission*) yang akan digunakan bagi menjelaskan berbagai aspek mengenai peluang-peluang ekonomi di antara kedua-dua negara yang boleh

dimanfaatkan oleh kalangan pelabur dan ahli perniagaan Malaysia dan India. Selain itu, 'Confederation of India Industry' (CII) iaitu sebuah badan penting yang berkaitan dengan pembangunan industri di India turut merangka strategi bagi menjalin kerjasama yang lebih erat antara kedua negara. Dalam keadaan ini, CII menyedari bahawa Malaysia boleh menjadi laluan kepada pasaran Asia Tenggara yang besar dan dalam masa yang sama, turut membuka ruang kepada pasaran India yang mempunyai lebih satu billion pengguna.<sup>39</sup> Malaysia merupakan rakan dagang paling penting bagi India dalam kalangan negara-negara rantau Asia Tenggara dengan nilai dagangan pada tahun 2000 berjumlah US2.5 bilion dan 1/3 daripada jumlah itu adalah dalam dagangan kelapa sawit. Minyak kelapa sawit sememangnya menjadi antara produk penting dalam urusan perdagangan membabitkan Malaysia-India. Ketika Malaysia merupakan pengeluar minyak kelapa sawit terpenting di dunia, India pula merupakan pengimport minyak kelapa sawit terpenting di dunia. Secara umumnya, Malaysia mengimport sebanyak dua juta tan minyak kelapa sawit ke India setiap tahun.<sup>40</sup>

Meskipun pelabur-pelabur dan peniaga Malaysia telah berada di India sejak tahun 1993, namun sehingga tahun 2000, jumlah pelaburan Malaysia di India hanyalah US50 juta, dan jumlah ini diperkirakan agak kecil. Salah satu masalah yang timbul yang telahpun dikenal pasti oleh India adalah masalah birokrasi dan hal ini telah cuba diperbaiki oleh India.<sup>41</sup> Pada tahun 1991, Malaysia menduduki tangga ke-18 dalam kalangan negara yang melabur di India dan pada tahun 2013, Malaysia merupakan negara ke-21. Ini bermakna, kedudukan Malaysia agak menurun, namun dari segi jumlah pelaburan di lihat semakin meingkat.

Aktiviti import dan eksport berjalan dengan cukup licin dan pada tahun 1980, jumlah eksport India ke Malaysia adalah bernilai US286.00 juta. Jumlah ini meningkat kemudiannya kepada US478 juta pada tahun 1990 dan US1207 juta pada 1996. Pada tahun 1980, jumlah import dari Malaysia adalah sebanyak US102.00 juta, US215 juta pada tahun 1990 dan US740 juta pada 1996. Jika diperhatikan, berlaku pertambahan sama ada import dan eksport membabitkan India dan Malaysia dan ini merupakan petunjuk positif yang secara langsung merapatkan lagi hubungan persahabatan tersebut.<sup>42</sup> Dari sudut sektor ekonomi pula, Malaysia menjadi tumpuan pelabur-pelabur India dalam sektor berkaitan kelapa sawit, perubatan, tekstil, kenderaan dan insuran. Malah, India merupakan negara kelima terpenting dalam pelaburan di Malaysia dengan membabitkan 45 buah kerjasama dengan pelaburan mencapai RM30 juta. Dalam masa yang sama, pelaburan Malaysia di India telah meningkat daripada US640,000 pada tahun 1993 kepada US2.1 juta pada tahun 1995<sup>43</sup> dan pada 2005 berjumlah US1.6 bilion.<sup>44</sup> Sejak 1987, India telah membeli 'crude oil' daripada Petronas dengan jumlah kira-kira 30,000 tong setahun. Malaysia pula telah menunjukkan minat yang tinggi untuk mendapatkan tembaga daripada India yang telah membangunkan industri ini di Gujerat.<sup>45</sup> Pada tahun 2010, nilai dagangan antara Malaysia dengan India berjumlah US9 bilion (RM27 bilion) dan jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 17 peratus berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, pada tahun 2010, India merupakan rakan dagang ke-12 terbesar bagi Malaysia dengan nilai eksport ialah US6.5 bilion dan jumlah import pula US2.4 bilion. Sehingga 2010, sebanyak 199 projek telah dilaksanakan melibatkan sektor pembuatan dengan nilai pelaburan sebanyak US1.7 bilion.<sup>46</sup> Bagi melicinkan lagi hubungan perdagangan antara Malaysia-India, 'Malaysia External Trade Development Corporation' (MATRADE) telah membuka dua pejabat luar negerinya di India iaitu di Chennai dan di Mumbai. Pejabat di Chennai akan meliputi bukan sahaja bahagian selatan India termasuklah Tamil Nadu, Kerala, Karnataka, Andra Pradesh dan sebagainya, tetapi juga turut membabitkan Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives. Sementara pejabat di Mumbai akan bertanggung jawab di kawasan Himachal Pradesh, Punjab, Rajasthan, Uttar Pradesh, Bihar, Jammu Kashmir serta Nepal, Pakistan dan

Afghanistan.<sup>47</sup> Di pihak India pula, CII telah membuka pejabatnya di Kuala Lumpur pada tahun 2001 bagi mempromosikan dan memberikan bantuan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia yang berminat untuk menjalankan aktiviti perdagangan di India serta berkolaborasi dengan peniaga-peniaga India.

Jadual 1: Jumlah hubungan dagang Malaysia ke India, 1992-2004 (RM Bilion)

Tahun	Jumlah eksport	Jumlah import	Jumlah keseluruhan	Lebihan
1992	1.09	0.90	2.00	0.19
1993	0.54	1.02	1.56	-0.48
1994	1.38	1.08	2.46	0.30
1995	2.08	1.38	3.46	0.71
1996	3.03	1.85	4.88	1.18
1997	3.31	2.14	5.44	1.17
1998	6.77	1.82	8.59	4.95
1999	7.74	2.01	9.75	5.73
2000	7.31	2.75	10.06	4.56
2001	5.99	2.93	8.93	3.06
2002	6.69	2.44	9.14	4.25
2003	9.64	2.55	12.19	7.09
2004	11.41	4.90	16.31	6.51
2008	24.7	10.3	35.0	14.5
2009	17.3	7.9	25.2	9.4
2010	20.1	8.0	29.0	13.0
2011	28.2	10.2	38.4	18.0
Jan-Sept 2012	21.2	9.2	30.4	12.0

Sumber: Matrade seperti dipetik dlm Faizal Yahya, "Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 27, No 3, Disember 2005, hlm. 481 dan [www.matrade.gov.my](http://www.matrade.gov.my). Diakses pada 4 Mei 2015.<sup>48</sup>

Dalam keadaan ini, hubungan antara Malaysia-India disifatkan sebagai sangat memberangsangkan. Ini kerana jumlah pelaburan Malaysia di India dilihat berada dalam keadaan sihat apabila syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam pelaburan membabitkan bidang-bidang pembinaan lebuh raya, lapangan terbang, pelabuhan dan teknologi maklumat serta pendidikan. Antaranya termasuklah pembangunan lebuh raya di Tamil Nadu, Karnataka dan Kerala. Syarikat-syarikat Malaysia turut menunjukkan minat dalam pembangunan pelabuhan Colachel di Tamil Nadu dan lapangan terbang Greenfield di Hyderabad.<sup>49</sup> Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada Singapura, Malaysia melihat India sebagai '*strategic partners*' yang boleh membantu Malaysia dalam bidang-bidang berkaitan dengan ekonomi, dan teknologi. Malaysia juga menyedari bahawa, India merupakan antara gelanggang penting dalam membekalkan bakat untuk digunakan dalam bidang teknologi iaitu bidang yang sedang dibangunkan oleh Malaysia ketika itu.<sup>50</sup> Pada tahun 1995, Malaysia dan India telah mengadakan MOU bagi pembinaan 13,000 km lebuh raya di India, dan Malaysia juga sejak tahun 2001, melalui MOU yang ditandatangani antara kedua negara, telah terbabit dalam lapangan berkaitan dengan minyak dan gas. Syarikat-syarikat minyak dan gas kedua-dua negara boleh menjalinkan kerjasama yang lebih erat dalam bidang ini. Selain itu, Malaysia dan India turut memperolehi banyak manfaat dalam sektor pelancongan. Secara keseluruhannya juga, hubungan antara Malaysia-India dapat dijalinan

dengan licin kerana perakuan India mengenai pencapaian Malaysia. Meskipun masih dikategorikan sebagai negara sedang membangun, perkembangan pesat Malaysia yang ditunjukkan dalam berbagai pencapaian telah menarik perhatian India. Pencapaian yang dicapai Malaysia hanya dalam tempoh 20 tahun selepas kemerdekaan hingga membolehkan taraf hidup rakyatnya lebih tinggi daripada India benar-benar menarik perhatian India. Pada 2000, pendapatan perkapita rakyat Malaysia ialah US3,400 sementara India hanyalah US450 sahaja.<sup>51</sup> Pada 2013, sebanyak 100 buah syarikat India beroperasi di Malaysia serta 60 buah syarikat berasaskan teknologi maklumat bergerak di Malaysia.<sup>52</sup> Syarikat India yang paling awal beroperasi di Malaysia ialah Godrej iaitu pada tahun 1968 dan ini kemudiannya diikuti dengan syarikat-syarikat lain seperti IRCON, Bharat Heavy Electronic Limited (BHEL) dan Hindustan Machine Tools (HMT) yang mula beroperasi di Malaysia pada tahun 1988.<sup>53</sup>

Jadual 2: Syarikat-syarikat Utama Malaysia yang Melabur di India 2004-2005

Bilangan	Nama syarikat
1	M/S Unisphere Sdn. Bhd.
2	Usaha Tegas Sdn. Bhd.
3	Pembinaan Redzal Sdn. Bhd.
4	Genting Power Holding Ltd.
5	M/S Telecom Malaysia Bhd.
6	Autoways Construction Sdn. Bhd.
7	TNEG Group
8	Berjaya Group
9	Teneja BK (M) Sdn Bhd.
10	JM Corporations Bhd
11	Road Builder (M) Holdings Bhd
12	Bumi Hughway Bhd
13	United Engineers (M) Bhd
14	Bina Puri Holding Bhd.
15	Berjaya Bhd. Gamuda Bhd.
16	Sunway Construction Bhd.
17	Mudujaya Corporation Bhd.
18	Dolomite Bhd.

Sumber: CII, News, 2005 dlm. Faizal Yahya, "Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 27, No 3, Disember 2005, hlm. 487 dan 489.

Perdana Menteri India, A. B. Vajpayee telah melakukan lawatan ke Malaysia pada 2001 dan lawatan ini disertai oleh pelabur dan peniaga India. Dalam lawatan ini, sebanyak 17 perjanjian kerjasama telah ditandatangani antara Malaysia dengan India. Antaranya termasuklah perjanjian membabitkan IRCON iaitu sebuah syarikat pembinaan yang dimiliki oleh Indian Railways yang telah diberikan kontrak sebanyak US1.5 billion bagi membina landasan keretapi kedua sepanjang 350 km antara Seremban-Gemas dan sebagai balasan India akan mengimport minyak kelapa sawit dalam jumlah yang sama dengan kontrak yang diberikan kepada IRCON.<sup>54</sup> Projek yang dikendalikan oleh IRCON telah siap sepenuhnya pada 31 Julai 2013.<sup>55</sup> Pada tahun 2011, Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) telah dimeterai antara kedua-dua negara. Rundingan yang telah berjalan sejak 2008 akhirnya membuahkan hasil apabila kedua buah negara akhirnya bersetuju untuk mengimplementasi bidang kerjasama bagi mengukuhkan pertumbuhan ekonomi. MICECA merupakan satu perjanjian perdagangan bebas yang merangkumi perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan dan kerjasama ekonomi dua hala

berimpak tinggi. Menteri Perdagangan dan Industri Malaysia, Mustapha Mohamed menjelaskan bahawa MICECA mampu memberi nilai tambah kepada perjanjian-perjanjian yang sedia ada termasuklah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-India. MICECA juga akan mampu menjana pertumbuhan ekonomi bilateral kedua-dua negara. Dalam memperjelaskan lebih lanjut mengenai MICECA, Mustapha Mohamed mengatakan:

Kita melihat MICECA sebagai salah satu platform meningkatkan kerjasama pintar dalam berbagai bidang antaranya, pembangunan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi, industri kreatif dan kemudahan perniagaan.<sup>56</sup>

Melalui *ASEAN-New Delhi Committee* yang diwujudkan pada bulan Mac 1993, Malaysia didapati memperoleh manfaat dalam bentuk kerjasama perjalanan, hotel dan pemasaran pelancongan di kedua-dua belah pihak. Pada tahun 2010 pula, Malaysia dan India telah memeterai perjanjian kerjasama dalam bidang pelancongan. Usaha untuk mengembangkan sektor pelancongan turut disokong dengan adanya kemudahan penerbangan membabitkan Malaysia-India. Selain Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), Air Asia turut mempunyai sejumlah penerbangan ke India membabitkan pelbagai destinasi terutamanya ke Chennai, Mumbai, New Delhi dan sebagainya. Dalam masa yang sama, berdasarkan statistik kedatangan pelancong asing ke Malaysia, pelancong India menunjukkan peningkatan. Pada tahun 2006, Malaysia menerima sejumlah 225,789 orang pelancong dan jumlah ini meningkat kepada 665, 989 orang pada tahun 2013 dan membolehkan India menduduki tangga keenam yang melawat Malaysia. Pelancong Malaysia pula merupakan pelancong ke-10 yang datang ke India dengan jumlah seramai 195, 853 orang pada 2012.<sup>57</sup> Jumlah ini merupakan peningkatan sekali ganda daripada hanya 34,000 pada tahun 1990 dan 60,000 pada tahun 2000.<sup>58</sup> Pada masa hadapan, industri pelancongan terutama pelancongan-kesihatan, pengembaraan, sukan dan alam semulajadi (*eco-tourism*) dijangkakan akan semakin meningkat terutamanya apabila melihat kepada populasi golongan pertengahan di India yang berjumlah 250 juta. Ini kerana, golongan pertengahan inilah yang seringkali melancong ke luar negara dan dengan jumlah yang begitu besar, potensi untuk meningkatkan tahap pelancongan ke tahap yang lebih tinggi adalah cerah.

### **Hubungan Pertahanan, Keselamatan, Sains dan Teknologi**

Eratnya hubungan persahabatan antara Malaysia-India dibayangkan daripada beberapa peristiwa semasa. Ketika Malaysia menghadapi tragedi MH370, dan mencari negara sahabat yang mahu memberikan bantuan, India hadir dengan beberapa kapal pencari terutama di kawasan perairan India. Bantuan yang diberikan oleh India termasuklah enam buah kapal pencari dan lima kapal terbang yang pada asalnya digunakan bagi pencarian di sekitar Teluk Bengal dan kawasan sekitarnya. India turut menghantar kapal terbang penyelamat C130J dan P8i ke Lapangan Terbang Subang yang menjadi antara pusat operasi. Bantuan ini bukan sekadar membabitkan kapal terbang milik Malaysia, tetapi juga dalam kalangan penumpang MH370, lima warganegaranya berada dalam pesawat tersebut.<sup>59</sup>

Selain itu, dari semasa ke semasa, pelabuhan-pelabuhan di Malaysia menjadi tempat persinggahan kapal-kapal tentera laut India. Pada bulan Mac 2015, empat kapal Tentera Laut India menjadikan Pelabuhan Klang sebagai destinasi persinggahan mereka. Kapal-kapal berkenaan ialah *Ins Tir*, *Varunam Kesari* dan *Sudarshini*. Lawatan ini secara langsung meningkatkan persefahaman dalam bidang ketenteraan membabitkan kedua-dua negara.<sup>60</sup> Malah hubungan antara tentera

Malaysia dan India sebenarnya cukup erat. Sejak 1991, tentera laut kedua-dua mengadakan latihan bersama. Pada tahun 1993, Malaysia dan India telah menandatangani perjanjian persefahaman yang disifatkan oleh Menteri Pertahanan ketika itu, Syed Hamid Albar sebagai satu pencapaian yang sangat penting. Melalui perjanjian persefahaman ini, kedua negara bukan sahaja akan menjalankan latihan bersama, tetapi juga pembangunan industri ketenteraan. Perkara ini pastinya sangat penting kerana dalam kalangan negara Asia Tenggara, Malaysia merupakan antara negara pertama yang menggunakan jet pejuang MiG-29 buatan Russia. Oleh kerana perkhidmatan selepas jualan Russia serta alat ganti yang lemah menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada syarikat India iaitu Hindustan Aeronautical Ltd yang berkemampuan memberikan perkhidmatan yang diperlukan oleh MiG-29. Selain itu, Tentera Udara India juga turut melatih jurutera dan juruteknik pesawat MiG-29 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Pune.<sup>61</sup> Selain MiG-29, Tentera Udara India juga memberikan latihan dan kepakaran mereka kepada TUDM dalam mengendalikan dan menyelenggarakan SU-30 MKM. Satu pasukan Tentera Udara India telah dihantar ke Malaysia untuk tujuan ini selama dua tahun setengah daripada Februari 2008 hingga September 2010.<sup>62</sup> Malah, latihan yang diberikan India ini merupakan yang pertama dilakukan oleh negara itu terhadap mana-mana negara dan pastinya hal ini datang daripada kepakaran dan pengalaman India yang telah mengendalikan jet pejuang ini sejak 1987.<sup>63</sup> Kapal tentera laut India, INS Delhi dan INS Kora turut terbabit dalam LIMA pada tahun 2003 yang diadakan di Langkawi. Kapal-kapal tentera laut kedua-dua negara turut terlibat dalam latihan MILAN membabitkan negara Bangladesh, Sri Lanka, Indonesia, Singapura dan Thailand.<sup>64</sup> Malaysia juga menganggap India sebagai negara yang mampu menjadi pengimbang kuasa di rantau sebelah timur terutama untuk mengimbangi kuasa China.<sup>65</sup> Hubungan pertahanan ini turut dipereratkan dengan penubuhan ‘*Malaysia-India Defence Cooperation Committee*’ (MIDCOM),

*The MIDCOM was set up to promote bilateral defence relations, cooperation in defence industries such as transfer of technology and technical assistance, exchange of information and military to military cooperation. The committee even planned to meet alternatively in Kuala Lumpur and New Delhi annually.*<sup>66</sup>

Salah satu bidang penting yang turut diberikan perhatian oleh Malaysia ialah teknologi angkasa lepas. Dalam bidang ini, pencapaian India disifatkan lebih ke hadapan berbanding Malaysia. Minat dan hala tuju Malaysia dalam bidang ini secara jelas ditunjukkan melalui angkasawan Malaysia pertama iaitu Syeikh Muzaffar. Bagi memastikan Malaysia mempunyai teknologi dan kemampuan yang sepatutnya, kerjasama dengan negara-negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini telah dilakukan. India merupakan salah satu negara yang diberikan perhatian dan ini dilakukan melalui kerjasama antara ‘*Antrix Corporation of India’s Department of Space*’ dengan ‘*Maxstar of the Malaysian Space and Telecommunication Research Consortium*’ pada 13 Januari 1995. Antrix membantu Maxstar dalam pembinaan dan operasi mikro satelit untuk Malaysia. Satelit ini dirancang untuk dijadikan asas penting dalam kajian dan penyelidikan saintifik. Malah India juga bersetuju untuk membekalkan khidmat nasihat mengenai penerokaan angkasa lepas.<sup>67</sup> K. S. Balakrishnan mengatakan

*India’s advancement in military and space technology is currently at an admirable level. Enhancing defence and security cooperation is surely a worthy cause for Malaysia.*<sup>68</sup>

## KESIMPULAN

Berbeza dengan sesetengah negara lain, hubungan antara Malaysia dan India dilihat mempunyai akar tradisi dan sejarah yang cukup erat. Sebagaimana yang telah dijelaskan, sejak sebelum merdeka lagi, wujud ikatan hubungan antara kedua-dua entiti, sama ada semasa zaman awal ataupun ketika zaman penjajahan. Malah kedua-duanya dikuasai oleh kuasa kolonial yang sama. Dari satu sudut, hubungan tradisi dan sejarah ini telah membolehkan satu bentuk persahabatan yang erat selepas kedua negara mencapai kemerdekaan. Penekanan kepada keamanan, kebebasan dan berkecuali yang menjadi dasar luar Malaysia sejak kemerdekaan turut dikongsi oleh India hingga membolehkan kedua negara membentuk satu hubungan erat. Perkongsian pendapat dalam menghadapi isu-isu global serta menyertai pertubuhan-pertubuhan yang sama seperti Komanwel, 'Non-Align Movement' serta pembabitan aktif India dalam ASEAN telah mendekatkan hubungan ini.

Hubungan politik dan diplomatik yang terjalin sejak sekian lama telah dipekuhkan dengan hubungan ekonomi dan sosial yang juga semakin penting, sejak sekurang-kurangnya era 1990-an. Meskipun India bukanlah negara utama dalam jalinan dagang dan ekonomi dengan Malaysia. Namun kerjasama ekonomi semakin penting dengan berbagai bentuk kerjasama telah ditandatangani antara kedua-dua negara bagi memastikan agar kedua-dua negara mendapat faedah bersama serta mencapai keuntungan ekonomi yang sepatutnya. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan menjadikan sains dan teknologi, India yang mempunyai kemampuan tersendiri dalam bidang ini dilihat mampu memberikan keuntungan tersendiri kepada Malaysia. Hal-hal berkaitan dengan penyelidikan mengenai angkasa lepas telah menarik perhatian dalam hubungan antara Malaysia dengan India. Malah kerjasama ini telah membolehkan Malaysia berada di hadapan dalam bidang angkasa lepas jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara. Hubungan ekonomi turut membabitkan hal-hal berkaitan dengan kerjasama syarikat-syarikat Malaysia dan India serta kemasukan pelancong yang semakin penting.

Salah satu aspek penting yang menonjolkan hubungan erat antara Malaysia-India ialah dalam aspek pertahanan. Kerjasama ini menjadi signifikan terutama membabitkan aset MiG-29 yang dimiliki oleh TUDM. Selain itu, latihan secara bersama serta lawatan berkala yang dilakukan oleh kapal-kapal perang pasukan tentera laut India yang kerap kali singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Berdasarkan perbincangan ini, jelas sekali hubungan antara Malaysia dengan India memasuki fasa yang sangat penting sejak 1990-an. Meskipun tidak dinafikan wujudnya pelbagai masalah dan cabaran dalam hubungan antara Malaysia-India seperti cabaran warga India yang bekerja secara tidak sah di Malaysia, namun ini tidak menghalang satu bentuk persahabatan yang erat antara keduanya. Malah, hubungan ini dijangka lebih erat pada masa hadapan.

## NOTA

---

<sup>1</sup> K. J. Holsti. 1992. *International Politics: A Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice Hall. hlm. 10.

<sup>2</sup> Roshaimi bin Zakaria. 1995. *India-Malaysia Relations: A Study of Policies and Issues Over Time*. Research Paper. Faculty of Arts and Social Sciences. University of Malaya. hlm. 2.

<sup>3</sup>Zubaidah Hamzah. 1995. "Hubungan India dan Malaysia: Tumpuan Pada Masa Kepimpinan Nehru (1930-1964)", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 23.

<sup>4</sup> Ibid., hlm. 103-105.

- 
- 5 Lihat Azharudin Mohamed Dali. 2004. *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- 6 Patit Paban Misra, "India-Southeast Asian Relations: An Overview", *Teaching South Asia. An Internet Journal of Pedagogy*, Vol. 1, No 1, 2001, hlm. 110.
- 7 Alex von Tunzelmann. 2007. *Indian Summer*. New York: Picador. hlm. 145.
- 8 Ibid., hlm. 146.
- 9 Tunku Abdul Rahman Putra. 1977. *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara. hlm. 152.
- 10 Ibid., hlm. 150-151.
- 11 MTRAP/U293, "Tunku Pays Tribute to the Late Pandit Nehru", Siaran Akhbar, Jabatan Penerangan Malaysia, 28 Mei 1964.
- 12 M. Ghazali Shafie. 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise. hlm. 154.
- 13 R. Madhanagopal, "India and ASEAN: Strengthening Cultural and Academic Cooperation", dlm. K. S. Nathan (ed.). 2000. *India and Asean. The Growing Partnership for the 21st Century*. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations. hlm. 102.
- 14 MTARP/U516, Speech by Tunku Abdul Rahman at the State Banquet in honour of the President of India, 6 Disember 1958.
- 15 "India-Malaysia Relations", <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- 16 Rashmi Sehgal, Zarina@Zairina Othman & Nor Azizan Idris, "India's Foreign Policy Towards Malaysia & Singapore: Evolution and Determinants", *Asian Social Science*, Vol. 9, NO 7, 2013, hlm. 57.
- 17 Ibid., hlm. 54.
- 18 Patit Paban Misra, "India-Southeast Asian Relations: An Overview", hlm. 111.
- 19 Rashmi Sehgal, Zarina@Zairina Othman & Nor Azizan Idris, "India's Foreign Policy Towards Malaysia & Singapore: Evolution and Determinants", hlm. 57.
- 20 Ibid., hlm. 54.
- 21 Faizal Yahya, "Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement", *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 27, No 3, Disember 2005, hlm. 473.
- 22 M. Ghazali Shafie. 1982. *Malaysia: International Relations*. hlm. 75.
- 23 Amit Singh, "India-Malaysia Strategic Relations", *Maritime Affairs*, Vol. 7, No 1, 2011, hlm. 89.
- 24 Roshaimi bin Zakaria. 1995. *India-Malaysia Relations: A Study of Policies and Issues Over Time*. hlm. 19.
- 25 Amit Singh, "India-Malaysia Strategic Relations", hlm. 89.
- 26 Baladas Ghoshal, "India and Asean: Political and Strategic Partnership into the 21st century" dlm. K. S. Nathan (ed.). 2000. *India and Asean. The Growing Partnership for the 21st Century*. hlm. 11.
- 27 Ibid.
- 28 K. S. Nathan, "The Strategic Environment of India-ASEAN Relations at the Turn of the 21st Century: An ASEAN Perspective", dlm. K. S. Nathan (ed.). 2000. *India and Asean. The Growing Partnership for the 21st Century*. hlm. 37.
- 29 Faizal Yahya, "Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement", hlm. 478.
- 30 Ucapan Dr. Mahathir Mohamad dalam India-ASEAN Lecture, New Delhi, 21 Disember 1996.
- 31 MTARP/U419, Speech by the Prime Minister of Malaysia in honour of the Prime Minister of India, 30 May 1968.
- 32 Amit Singh, "India-Malaysia Strategic Relations", hlm. 86.
- 33 Ibid., hlm. 87.
- 34 Yogendra Singh, 'India Malaysia Relations', Institute of Peace and Conflict Studies (IPSC) Special Report, No 42, June 2007. hlm. 1.
- 35 Lihat Mukul Asher, Rahul Sen and Sadhana Srivastava, "ASEAN-India: Emerging Economic Opportunities", Workshop on Economic Issues organized by the French Center for Sciences Humanities, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore and School of International Studies, Jawaharlal Nehru University, 17-18 Mac, 2002, hlm. 19.
- 36 Faizal Yahya, "Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement", hlm. 477.



- 37 K. S. Nathan (ed.). 2000. *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*. hlm. 5.
- 38 *New Straits Times*, 3 November 1992.
- 39 *New Strait Times*, 2 November 1993.
- 40 Faizal Yahya, “Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement”, hlm. 483.
- 41 There’s More to Malaysia...”, *India Today*, 28 May 2001.
- 42 Charan W. Wadhva, “Revitalizing India-ASEAN Economic Partnership: Recent Trends and Future Prospects”, dlm. K. S. Nathan (ed.). 2000. *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*. hlm. 68.
- 43 Kripa Sridharan, “The Contours of India’s Foreign Economic Policy and Its Trans-Regional Impact”, dlm. K. S. Nathan (ed.). 2000. *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*. hlm. 84.
- 44 Yogendra Singh, ‘India Malaysia Relations’, hlm. 2.
- 45 Roshaimi bin Zakaria. 1995. *India-Malaysia Relations: A Study of Policies and Issues Over Time*. hlm. 36.
- 46 “Era Baru Hubungan Dagang Malaysia-India”, *Berita Harian*, 24 Februari 2011.
- 47 *Malaysia External Trade Development Corporation*. [www.matrade.gov.my](http://www.matrade.gov.my). Diakses pada 3 Mei 2015.
- 48 Walau bagaimanapun, jumlah yang disebut di dalam jadual sedikit berbeza dengan jumlah yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik terutamanya untuk tahun 1996 seperti yang dipetik dalam K. S. Balakrishnan, “Malaysia-India Relations: Trends in Security and Economic Cooperation Within the Developing World”, *Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 3, No 1, September 2001, hlm. 10.

Tahun	Jumlah Perdagangan (RM Bilion)
1991	1.66
1992	2.0
1993	1.6
1994	2.6
1995	3.5
1996	2.3
1999	9.7

- 49 Yogendra Singh, ‘India Malaysia Relations’, hlm. 3.
- 50 Mukul Asher, Rahul Sen and Sadhana Srivastava, “ASEAN-India: Emerging Economic Opportunities hlm. 20.
- 51 “There’s More to Malaysia...”, *India Today*, 28 May 2001.
- 52 “India-Malaysia Relations”, <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- 53 Yogendra Singh, ‘India Malaysia Relations’, hlm. 3.
- 54 “There’s More to Malaysia...”, *India Today*, 28 May 2001.
- 55 “India-Malaysia Relations”, <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- 56 “Era Baru Hubungan Dagang Malaysia-India”, *Berita Harian*, 24 Februari 2011.
- 57 India-Malaysia Relations”, <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- 58 K. S. Balakrishnan, “Malaysia-India Relations: Trends in Security and Economic Cooperation Within the Developing World”, *Journal of Diplomacy and Foreign Relations*, Vol. 3, No 1, September 2001, hlm. 16.
- 59 “India-Malaysia Relations”, <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- 60 “Bertuah Singgah Malaysia”, *Harian Metro*, 12 Mac 1915.
- 61 Baladas Ghoshal, “India and Asean: Political and Strategic Partnership into the 21<sup>st</sup> century”. hlm. 28.
- 62 “India-Malaysia Relations”, <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- 63 *The Times of India*, 28 September 1994.
- 64 Yogendra Singh, ‘India Malaysia Relations’, hlm. 2.

---

<sup>65</sup> Suseela Devi Chandran, “Malaysia-India Defence Cooperation: A Need for Paradigm Shift before Strategic Partnership”, <http://www.idsa.in/event/IndiamalaysiaDefenceRelations>. Diakses pada 29 April 2015.

<sup>66</sup> Roshaimi bin Zakaria. 1995. *India-Malaysia Relations: A Study of Policies and Issues Over Time*. hlm. 39.

<sup>67</sup> *New Straits Times*, 27 March 1995.

<sup>68</sup> K. S. Balakrishnan, “Malaysia-India Relations: Trends in Security and Economic Cooperation Within the Developing World”, hlm. 4.

## RUJUKAN

- “India-Malaysia Relations”, <http://www.indianhighcommission.com.my>. Diakses pada 24 April 2015.
- Asher, Mukul, Sen, Rahul and Srivastava, Sadhana. 2002. “ASEAN-India: Emerging Economic Opportunities”, *Workshop on Economic Issues organized by the French Center for Sciences Humanities*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore and School of International Studies, Jawaharlal Nehru University, 17-18 Mac.
- Azharudin Mohamed Dali. 2004. *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Balakrishnan, K. S. 2001. “Malaysia-India Relations: Trends in Security and Economic Cooperation Within the Developing World”. *Journal of Diplomacy and Foreign Relations* 3(1)
- Berita Harian*. 2011. “Era Baru Hubungan Dagang Malaysia-India”. 24 Februari.
- Chandran, Suseela Devi. “Malaysia-India Defence Cooperation: A Need for Paradigm Shift before
- Faizal Yahya. 2005. “Challenges of Globalization: Malaysia and India Engagement”. *Contemporary Southeast Asia* 27(3).
- Ghoshal, Baladas. 2000. “India and Asean: Political and Strategic Partnership into the 21<sup>st</sup> century” In *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*, edited by K. S. Nathan. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations.
- Harian Metro*. 2015. “Bertuah Singgah Malaysia”, 12 Mac
- Holsti, K. J. 1992. *International Politics: A Framework for Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- India Today*. 2001. “There’s More to Malaysia...”, 28 May.
- India Today*. 2003. “There’s More to Malaysia...”, 28 May.
- M. Ghazali Shafie. 1982. *Malaysia: International Relations*. Kuala Lumpur: Creative Enterprise.
- Madhanagopal, R. 2000. “India and ASEAN: Strengthening Cultural and Academic Cooperation”. In *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*, edited by K. S. Nathan. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations.
- Malaysia External Trade Development Corporation*. [www.matrade.gov.my](http://www.matrade.gov.my). Diakses pada 3 Mei 2015.
- Misra, Patit Paban. 2001. “India-Southeast Asian Relations: An Overview”. *Teaching South Asia. An Internet Journal of Pedagogy* 1(1).
- MTARP/U419. 1968 Speech by the Prime Minister of Malaysia in honour of the Prime Minister of India, 30 May.
- MTARP/U516. 1958. Speech by Tunku Abdul Rahman at the State Banquet in honour of the President of India, 6 Disember.
- MTRAP/U293. 1964. “Tunku Pays Tribute to the Late Pandit Nehru”. Siaran Akhbar, Jabatan Penerangan Malaysia, 28 Mei.
- Nathan, K. S. 2000. “The Strategic Environment of India-ASEAN Relations at the Turn of the 21<sup>st</sup> Century: An ASEAN Perspective”. In *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*, edited by K. S. Nathan. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations.
- New Strait Times*. 1993. 2 November.
- New Straits Times*. 1992. 3 November.
- New Straits Times*. 1995. 27 March.
- Rashmi Sehgal, Zarina@Zairina Othman & Nor Azizan Idris. 2013. “India’s Foreign Policy Towards Malaysia & Singapore: Evolution and Determinants”. *Asian Social Science* 9(7).
- Roshaimi bin Zakaria. 1995. *India-Malaysia Relations: A Study of Policies and Issues Over Time*. Research Paper. Faculty of Arts and Social Sciences. University of Malaya.
- Singh, Amit. 2011. “India-Malaysia Strategic Relations”. *Maritime Affairs* 7(1).
- Singh, Yogendra. 2007. ‘India Malaysia Relations’, *Institute of Peace and Conflict Studies (IPSC) Special Report*, No 42, June 2007.
- Sridharan, Kripa. 2000. “The Contours of India’s Foreign Economic Policy and Its Trans-Regional Impact”. In *India and Asean. The Growing Partnership for the 21<sup>st</sup> Century*, edited by K. S. Nathan. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations.

- Strategic Partnership”. <http://www.idsa.in/event/IndiamalaysiaDefenceRelations>. Diakses pada 29 April 2015.
- The Times of India*. 1994. 28 September.
- Tunku Abdul Rahman Putra. 1977. *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Tunzelmann, Alex von. 2007. *Indian Summer*. New York: Picador.
- Ucapan Dr. Mahathir Mohamad dalam India-ASEAN Lecture, New Delhi, 21 Desember 1996.
- Wadhva, Charan W. 2000. “Revitalizing India-ASEAN Economic Partnership: Recent Trends and Future Prospects”. In *India and Asean. The Growing Partnership for the 21st Century*, edited by K. S. Nathan. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations.
- Zubaidah Hamzah. 1995. “Hubungan India dan Malaysia: Tumpuan Pada Masa Kepimpinan Nehru (1930-1964)” *Malaysia Dari Segi Sejarah* 23.

**Published online:** 29 April 2020